

Kapten Shaari ditabal Datuk Shahbandar Sungai Ujong

SEREMBAN 12 Ogos — Kapten (B) Shaari Haji Hassan hari ini dengan rasminya ditabal sebagai Datuk Shahbandar Sungai Ujong yang ke-15.

Beliau yang berusia 48 tahun, menggantikan Datuk Abu Bakar Omar yang meninggal dunia pada bulan Disember 1982.

Istiadat pertabalan yang penuh gilang gemilang itu telah diisytiharkan oleh Datuk Panglima Besar, Haji Shamsuddin Haji Talib manakala watah perantukan Datuk Shahbandar itu pula dibacakan oleh Datuk Sri Maharaja Diraja, Azman Jamlus.

Datuk Sri Maharaja Diraja kemudiannya menulakan istiadat mengadap menandakan taat setia ke bawah Datuk Shahbandar dengan diikuti oleh 10 orang datuk-datuk lembaga waris di air dan di darat.

Selepas itu istiadat mengadap tersebut yang diadakan di Balai Datuk Shahbandar di Kampung Belangan di sini pagi ini telah diteruskan oleh ibu-ibu soko, waris-warisan dan datuk-datuk persukuan.

Istiadat pertabalan itu yang diadakan dengan penuh tradisi itu juga turut disaksikan oleh rakyat jelata yang telah awal-awal lagi datang ke Balai Datuk Shahbandar Sungai Ujong.

Sebelum itu Datuk Shahbandar dan Tok Puan, Rokiah Mahmud telah disambut dengan penuh tradisi setibanya di balai tersebut pagi ini.

Datuk Shahbandar kemudiannya dipersembahkan dengan pentak silat oleh sembilan orang ahli Persatuan Seni Silat Me-gacemandee.

Istiadat pertabalan itu telah diadakan selama tiga hari dan tiga malam mulai kelmarin.



DATUK Panglima Besar, Haji Shamsuddin Haji Talib menyembahkan sebilah keris pusaka kepada Kapt. (B) Haji Shaari Haji Hassan sebagai menandakan pengisytiharannya sebagai Datuk Shahbandar Sungai Ujong yang ke-15 di Balai Datuk Shahbandar di Kampung Belangan, Rantau, Seremban pagi semalam.